

Rakyat diseru kekalkan

UM - 1 FEB 2003

KUALA LUMPUR 31 Jan. — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menyeru rakyat berbilang kaum supaya terus memelihara dan mengamalkan budaya toleransi yang sudah menjadi sebahagian daripada tamadun Malaysia.

Beliau berkata, pada zaman permusuhan ketat antara kaum dan agama berlaku di mana-mana sahaja di dunia, budaya toleransi itu telah meletakkan Malaysia sebagai negara yang dikagumi dunia.

“Sekali-sekala hendaklah kita bayangkan apa akan jadi

jika tidak ada sikap toleran ini,” katanya dalam perutusan Tahun Baru Cina 2003 yang dikeluarkan di sini.

Katanya, sambutan Tahun Baru Cina di negara ini bukan sahaja bebas dirayakan oleh kaum Cina, malah perayaan itu dijadikan acara nasional

dengan cuti am dan sambutan meriah oleh badan-badan rasmi kerajaan.

“Bahawa orang Cina Malaysia dapat merayakannya dalam keadaan aman dan selesa dengan kaum lain adalah bukti dasar-dasar kerajaan tepat dan berjaya,” ujarnya.

budaya toleransi

Sebenarnya, kata beliau, banyak negara Asia lain menyekat pengamalan budaya Cina.

Oleh itu semasa merayakan Tahun Baru Cina kali ini, Dr. Mahathir mengajak semua rakyat bersyukur dan menghargai betapa bertuahnya mereka dapat hidup di Malaysia.

Menurut beliau, keadaan dalam negara sudah tentu tidak begitu menarik sama ada dari segi budaya mahupun dinamismanya jika negara ini bukan negara berbilang kaum.

Perdana Menteri seterusnya meminta rakyat menggunakan peluang semasa perayaan

seperti ini untuk mengeratkan hubungan sesama sendiri menerusi penganjuran rumah-rumah terbuka.

Dr. Mahathir mahu budaya baik itu dipelihara kerana rakyat akan mendapat banyak keuntungan daripadanya.